

KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA PENGARAH KESIHATAN “KE ARAH PERKHIDMATAN FARMASI YANG CEMERLANG”

Dalam merealisasikan Program Transformasi Kerajaan, dan mendokong aspirasi gagasan *1Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan*, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat jelata. Pembudayaan slogan “*Kami Sedia Membantu*” membuktikan pihak Kementerian amat peka dan prihatin akan keperluan dan keinginan pesakit serta pelanggan yang memerlukan rawatan dan pemeliharaan kesihatan.

Meskipun menghadapi pelbagai cabaran dan kekangan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk meningkatkan tahap kesihatan Negara agar setanding dengan negara-negara maju. Ini telah terbukti dengan pencapaian *Key Performance Indicators* (KPI) yang sangat memberangsangkan bagi Kementerian Kesihatan. Seiring dengan perubahan persekitaran dan kemajuan teknologi yang pesat, penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan memerlukan anjakan paradigma dari segi kecekapan, keberkesanan dan kepuasan rakyat.

Justeru, setiap program termasuk Farmasi secara berterusan menggembeling tenaga dalam mengukuhkan perkhidmatan khususnya dalam bidang-bidang yang penting. Perkhidmatan farmasi telah beralih tumpuan tradisi terhadap produk kepada pendekatan fokus kepada pesakit (*patient-centred*). Penjagaan farmaseutikal yang komprehensif dan tertumpu kepada pesakit (*patient care*) adalah penting bagi memastikan pesakit mendapat rawatan ubat-ubatan yang selamat, berkualiti, rasional dan berkesan.

Melalui perkhidmatan yang khusus seperti Farmakokinetik Klinikal (CPS), Perkhidmatan Sokongan Nutrisi, Perkhidmatan Farmasi Onkologi dan Perkhidmatan Farmasi Nuklear, ubat-ubatan yang dipreskrib untuk pesakit boleh diberi mengikut keperluan individu berkenaan. Dengan ini, kualiti

rawatan dapat dipertingkatkan serta kejadian kesan sampingan boleh dikurangkan.

Bekerja sebagai satu pasukan, Pegawai Farmasi kini berganding bahu dengan profesional perubatan lain yang terlibat secara aktif dalam rondaan wad bersama pakar perubatan dari pelbagai disiplin di hospital. '*Medication Therapy Adherence Clinic*' (MTAC) telah pun dijalankan di 74 hospital utama, 62 hospital pakar, 14 hospital daerah dan 37 klinik kesihatan. Menerusi MTAC, pematuhan pesakit dalam pengambilan ubat-ubatan mereka serta pemantauan berterusan untuk memastikan rawatan yang optima dan mengelakkan komplikasi dapat dilakukan.

Satu lagi aspek penting ialah Program Rawatan Terapi Gantian Methadone atau *Methadone Maintenance Therapy* (MMT), di mana Pegawai Farmasi memainkan peranan aktif dalam kaunselling dan pemantauan pesakit yang diberi ubat methadone. Setakat ini terdapat sejumlah 110 pusat MMT di KKM dan Pegawai Farmasi KKM juga terlibat dalam pendispensan methadone bagi Program MMT di 14 Pusat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), 12 Penjara di Semenanjung Malaysia serta projek pendispensan methadone di masjid.

Untuk memastikan kepuasan pelanggan sentiasa diberi perhatian, masa menunggu tidak melebihi 30 minit untuk pesakit menerima ubat dari farmasi telah dijadikan sebagai salah satu KPI. Pada tahun 2009, sebanyak 93% hospital dan klinik kerajaan berjaya mencapai KPI ini dan sebanyak 95.4% daripada 39.4 juta preskripsi untuk pesakit luar telah dapat didispens dalam tempoh tersebut. Namun, pihak Kementerian akan terus berusaha gigih untuk memperbaiki kelemahan dan meningkatkan prestasi bagi mencapai 100% KPI yang telah ditetapkan.

Dalam membudayakan inovasi dan kreativiti, perkhidmatan farmasi telah berjaya mengaplikasikan teknologi dan prasarana telekomunikasi dengan melaksanakan sistem pengambilan ubat menerusi beberapa cara pilihan seperti sistem pendispensan ubat bersepadu (SPUB), farmasi pandu lalu,

sms dan ambil serta kad temu-janji bagi memudahkan pesakit mendapatkan bekalan ubat mengikut kesesuaian mereka. Setakat ini, sebanyak 87 hospital dan 38 klinik kesihatan telah pun menawarkan perkhidmatan pilihan tersebut. Sambutan bagi perkhidmatan *SMS & Ambil* memang menggalakkan, di mana pesakit hanya perlu hantar SMS ke farmasi berkenaan sebelum datang mengambil ubat ulangan mereka. Pihak Kementerian terus komited dan merancang untuk memperluaskan perkhidmatan tersebut ke semua fasiliti kesihatan di seluruh negara.

Bagi pesakit yang menerima rawatan di hospital yang jauh daripada tempat tinggal, semua hospital kerajaan juga mempelawa pesakit memanfaatkan program Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB). Dengan ini, pesakit akan menjimat masa dan perbelanjaan perjalanan oleh kerana mereka boleh mengambil ubat daripada mana-mana hospital atau pun klinik kesihatan mengikut pilihan mereka sendiri. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 115,086 preskripsi telah diuruskan melalui SPUB berbanding 62,100 preskripsi dalam tahun 2008 iaitu peningkatan mendadak sebanyak 85%.

Sistem Farmasi Pandu Lalu yang telah diperkenalkan di dua buah hospital iaitu Hospital Pulau Pinang dan Hospital Tuanku Fauziah, Kangar merupakan satu lagi kebanggaan. Pesakit boleh memandu lalu terus ke kaunter khas untuk mendapatkan ubat mereka tanpa perlu menunggu. Memandangkan, sistem ini memberi impak yang positif kepada pesakit, perancangan dan pembangunan fasiliti kesihatan yang baru boleh mengambil-kira kemudahan seperti ini.

Usaha yang terbaru ialah "Pharmacy Home Delivery" yang telah pun dijalankan sebagai projek perintis di Hospital Putrajaya, di mana ubat ulangan dikirimkan kepada pesakit melalui Pos laju dengan caj minima. Dengan kerjasama Pos Malaysia, pihak Kementerian bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan ini ke fasiliti-fasiliti kesihatan diseluruh negara bagi memudahkan pesakit. Disamping itu juga, pendekatan ini boleh mengurangkan kesesakan pesakit di hospital dan klinik kesihatan.

Sebagai langkah meningkatkan kefahaman dan memberi pendidikan kepada rakyat berkenaan penggunaan ubat-ubatan dan menyedarkan hak mereka sebagai pengguna ubat-ubatan, program “Kenali Ubat Anda” telah dilancarkan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan dan bahan pendidikan dihasilkan bagi mencapai objektif program tersebut termasuk membangunkan laman web www.knowyourmedicine.com. Disamping itu, sebuah Pusat Panggilan Farmasi Nasional yang beroperasi 24 jam termasuk hari cuti dan kelepasan am telah ditubuhkan di Hospital Kuala Lumpur melalui talian 03-26155136 bagi membantu orang ramai mendapatkan khidmat maklumat ubat pada bila-bila masa.

Dengan perkembangan dan kemajuan dinamik yang ditonjolkan oleh Perkhidmatan Farmasi, pihak Kementerian Kesihatan berkongsi kebanggaan dengan kejayaan Sistem Farmasi Pandu Lalu Hospital Pulau Pinang yang telah meraih anugerah *Asian Hospital Management Awards 2008* di Manila, Filipina pada September 2008. Pada tahun lepas, Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar Johor pula telah menjadi johan Anugerah Ketua Setiausaha Negara di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Perkhidmatan Awam) Ke-26, tahun 2009 bagi inovasi sistem pengurusan stor farmasi yang telah direka-cipta oleh anggota farmasi sendiri.

Saya yakin dengan komitmen dan kesungguhan, Perkhidmatan Farmasi akan terus melangkah ke hadapan menuju destinasi kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan penjagaan pesakit yang mampan dari segi klinikal, berkesan dari segi kos dan menyentuh hati rakyat dan masyarakat.

TAN SRI DATO' SERI DR HJ MOHD ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Mac 2010